Sinar Harian

KPKT lulus 18 projek penyelenggaraan perumahan di Selayang

NORAFIZA JAAFAR | | 5 Februari 2020



William (tengah) dan Wei Kiat (kanan) meninjau keadaan Pangsapuri Taman Pelangi semalam.

RAWANG - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan RM5 juta untuk 18 projek penyelenggaraan perumahan di kawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Ahli Parlimen Selayang, William Leong berkata, permohonan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) kepada KPKT tahun lalu diluluskan di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM).

“Sebanyak sembilan projek diluluskan di Parlimen Selayang manakala selebihnya projek di kawasan Gombak, Damansara dan Sungai Buloh.

“MPS akan membuat taksiran sebelum proses tender pada April. Dijangka kerja penyelenggaraan akan bermula secara berperingkat Mei ini,” katanya selepas membuat tinjauan di Pangsapuri Taman Pelangi semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Chua Wei Kiat.